

21 JUL 1999

Fadzil-cabar

TERPULANG PADA PM SAMA ADA UNTUK BERTANDING, KATA FADZIL

TUMPAT, 21 Julai (Bernama) -- Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang jika terbukti ada ayat Al Quran yang membenarkan umat Islam mencarut.

Beliau berkata, cabaran Perdana Menteri untuk tidak bertanding jika Menteri Besar Nik Abdul Aziz Nik Mat berjaya membuktikan ada ayat Al Quran yang membenarkan umat Islam mencarut mungkin helah kerana merasakan akan kalah pada pilihan raya umum akan datang.

"Terpulang pada dia (Dr Mahathir) lah, mungkin dia rasa nak kalah dia cari helah untuk tidak bertanding," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis ceramah politik di Tanjung Kuala di sini, malam tadi.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, ketika berceramah pada majlis yang sama enggan mendedahkan ayat-ayat Al Quran yang membenarkan umat Islam mencarut sebaliknya mendakwa cabaran perdana menteri itu telah dijawabnya dalam satu ceramah politik di Stadium Sultan Muhammad ke-IV di sini, 1 Mei lepas.

"Orang cabar ambo (saya), ambo jawab dah...nak royak guana (nak bagi tahu macam mana)...ambil semula kaset ambo tu," katanya sambil menyifatkan tindakan perdana menteri mencabarnya seolah-olah Presiden Umno itu setaraf dengannya.

Nik Aziz turut mencabar Dr Mahathir supaya membuktikan ayat-ayat Al Quran yang membenarkan umat Islam menuduh dan memalukan sesama Islam sebelum sesuatu tuduhan itu dibuktikan.

Beliau merujuk cabaran itu kepada kes liwat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang didakwanya telah diaibkan sebelum kes itu dibawa ke mahkamah.

Menyentuh tawaran Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah untuk melantiknya sebagai mufti sekiranya Barisan Nasional menang pada pilihan raya umum ini, beliau menolak pelawaan itu kerana baginya taraf mufti untuk negeri sahaja, tetapi jawatan Mursyidul Am Pas untuk seluruh Malaysia.

Terdahulu ketika berceramah, Fadzil berkata tindakan Pas memecat empat anggotanya di Besut selepas mendapat bukti kukuh mereka merosakkan parti dan jemaah.

"Tradisi Pas, tidak akan memecat anggota jika tidak mempunyai bukti kukuh, kita juga telah bagi tempoh yang lama untuk mereka insaf dan memperbaiki kesalahan yang dilakukan," katanya.

Jun lepas, Pas memecat empat anggotanya di kawasan Besut termasuk bekas Yang Dipertua Pas kawasan, Abdul Latih Muhammad dan Ketua Pemuda Pas kawasan.

-- BERNAMA

MNR/BD RI